

Pengalaman Mengajar PRS, Kini Ia Menjadi Kedua Kukuh Di Sarawak
Bernama
17 Oktober, 2011
Oleh Edward Subeng Stephen

SIBU, 17 Okt (Bernama) -- Parti politik paling muda di Sarawak, Parti Rakyat Sarawak (PRS) telah menempuhi satu perjalanan mencabar yang menjadikannya semakin matang dan kukuh.

Kemunculan PRS, sebuah parti serpihan berikutan pembatalan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), yang didaftarkan pada 21 Okt 2004 dianggap seperti "orang sakit" dalam parti Barisan Nasional (BN) Sarawak.

Pada awal penubuhannya, PRS melalui dugaan dan liku perjalanan politik yang begitu mencabar dan hanya stabil kira-kira empat tahun selepas penubuhannya.

Kini, setelah tujuh tahun, parti komponen BN Sarawak itu menjelma menjadi parti yang kedua kukuh di Sarawak.

Kedudukan PRS ini mungkin secara kebetulan dan bukannya dirancang. Sejak bertahun-tahun kedudukan ini menjadi milik parti majoriti kaum Cina iaitu Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP).

Pada pilihan raya negeri April lepas, pilihan pengundi tidak memihak kepada SUPP sehingga menyebabkan parti itu kalah 13 kerusi yang ditandinginya kepada DAP, menjadikan SUPP kini hanya memegang lima kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan empat kerusi Parlimen.

Sebagai perbandingan, PRS menyandang lapan kerusi DUN dan enam kerusi Parlimen.

Presiden PRS Tan Sri Dr James Masing menganggap kekuatan parti itu sekarang ini adalah atas dasar keinginan para pemimpin parti itu untuk terus kekal bersama.

"Kami berupaya untuk terus kekal bersama meskipun parti-parti lain mengalami keretakan. Inilah kelebihan kami. Itu sebabnya saya katakan mengapa kami kini secara kebetulan merupakan parti kedua kukuh dan bukannya dirancang.

"Melainkan jika kami tidak berfikir sebagai satu kumpulan, kami pastinya akan terdedah kepada perpecahan terutamanya kepada pihak yang bermusuhan dengan kami. Oleh itu, masyarakat Dayak seharusnya belajar untuk berfikir sebagai satu kumpulan dan kekal bersatu padu," katanya kepada Bernama dalam satu wawancara baru-baru ini.

"Apabila kita boleh duduk bersama dan bersetuju untuk menjadi lain daripada yang lain, kita carilah penyelesaian yang boleh dipersetujui semua. Ia mungkin bukan penyelesaian yang terbaik tetapi sekurang-kurangnya kita bersetuju dengan tindakan berkenaan supaya kita kekal bersama. Tiada apa yang lebih penting daripada kemuafakatan perpaduan ini," kata Dr Masing yang juga Menteri Pembangunan Tanah.

PRS ialah sebuah parti pelbagai kaum meskipun para pemimpin utamanya terdiri daripada kaum Dayak dan sebahagian besar anggota parti adalah kaum Bumiputera.

Sebagai menghargai sumbangan anggota parti dan para pemimpinnya, PRS akan menyambut ulang tahun ketujuh penubuhannya secara besar-besaran pada 21 Okt ini. Parti itu menempah sebuah restoran di hotel terbesar di Sibu untuk meraikan majlis itu.

Mengakui bahawa kekuatan PRS sebenarnya datang daripada perpaduan masyarakat Dayak, Dr Masing bimbang jika timbul masalah dalaman di kalangan kaum Dayak, yang kewujudannya boleh memberi kesan.

"Wujud mara bahaya yang datang daripada mereka yang cuba mengganggu-gugat perpaduan parti. Namun pada masa sama, saya optimis perpaduan kaum Dayak akan kekal baik kerana kini lebih ramai golongan cerdik pandai menyertai parti... mereka sedar pentingnya perpaduan untuk kekal bersatu padu dan utuh," katanya.

PRS, katanya juga sedang dalam proses untuk berhubung dan mendapat maklumat mengenai golongan cerdik pandai termasuk para intelektual Dayak yang masih memusuhi parti dan BN, dan mengetahui sebab musabab tindakan mereka.

"Mereka mungkin mempunyai maklumat salah dan tidak mengetahui perkara sebenar, apatah lagi kewujudan Internet yang menyebarkan banyak maklumat dan banyak maklumat pula tidak benar. Mereka mungkin mengambil dan memilih maklumat yang mereka hanya mahu dengar.

"Sebagai pemimpin, mereka mestilah menerima hakikat bahawa kita semua membuat kesilapan. Saya sering menyatakan tegur saya jika saya salah. Kemudian, marilah kita bersama-sama mencari penyelesaian untuk Sarawak terus maju ke hadapan. Jika saya benar, anda pula haruslah menerimanya," kata beliau.

Mengenai isu yang paling dekat di hati PRS, Dr Masing, yang juga ADUN Balleh, berkata isu Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) dan pengagihan peluang kepada kaum Dayak merupakan antara isu yang diperjuangkan parti itu.

"Apabila kami dapat menangani perkara ini dengan baik, kami rasa lega. Kami sedang menguruskannya dan saya fikir ia sedikit demi sedikit dapat diselesaikan," katanya.

Berkongsi pandangan dengan Presiden parti mengenai kestabilan PRS, Naib Presiden Kanan parti itu, Datuk Joseph Salang berkata pada masa ini beliau tidak melihat sebarang keretakan berlaku dalam parti.

"Setiap orang bertanggungjawab melaksanakan tugas masing-masing bagi memastikan PRS kekal stabil. Saya tidak fikir akan berlaku ulangan krisis kepimpinan. Setiap orang kini berusaha mengeratkan perpaduan dalam parti," katanya.

Salang, yang juga Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, berkata mana-mana individu pastinya mempunyai cita-cita namun apa yang lebih penting daripada cita-cita berkenaan ialah aspirasi dan kepentingan yang diperlukan masyarakat.

"Saya fikir kami semua memahami perkara ini. Pada pendapat saya, PRS kini berada dalam satu kedudukan yang baik," katanya.

Mengenai pandangan bahawa parti itu gagal memperjuangkan kepentingan kaum Dayak, Salang berkata pihak yang berkenaan mestilah memahami hakikat PRS sebagai parti politik dan bukannya badan bukan kerajaan (NGO) kaum Dayak.

"PRS adalah parti komponen Barisan Nasional. Ia parti berbilang kaum. Oleh yang demikian, sementara PRS berasa empati dengan masalah dan isu yang dihadapi kaum Dayak, kami tidak dapat berjuang untuk mereka sahaja.

"Kami perlu berjuang untuk keadilan dan kesaksamaan bagi negeri dan negara ini. Pemimpin Dayak merupakan pemimpin negeri dan jika dia anggota Kabinet Persekutuan, dia juga pemimpin pusat," katanya.

Katanya apabila pemimpin berkenaan berada dalam kedudukan itu, pemimpin itu tidak boleh hanya mewakili kaum Dayak.

"Para intelek kaum Dayak seharusnya membentuk sebuah NGO sendiri yang boleh memperjuangkan sepenuhnya hak masyarakat itu. Kami sebagai wakil politik akan terus berusaha membantu dengan cara kami," katanya.

Ditanya sama kaum Dayak kini sudah menerima PRS sebagai pengganti PBDS, Salang berkata kerusi yang ditandingi PBDS sebelum ini memang ditandingi dan dimenangi PRS.

"Sebahagian daripada kami mungkin bukan pengasas PRS tetapi kami berpegang kepada parti sebagai badan induk untuk semua kerusi berkenaan. Bahkan kami juga mengambil iktibar bahawa tiada apa yang diperolehi malah kaum Dayak akan kerugian jika wujud pertelingkahan antara pemimpin. Yang terbaik, ketepikan perasaan individu itu dan tumpukanlah kepada kepentingan masyarakat," katanya.

Kedua-dua Dr Masing dan Salang optimis, PRS berupaya mempertahankan kerusi Parlimen Lubok Antu, Julau, Kanowit, Selangau, Lubok Antu dan Sri Aman dalam pilihan raya umum akan datang.

"Kaum Dayak tahu apa mereka mahu. Mereka tidak inginkan ketidakstabilan politik. Mereka tahu apa juga masalah politik di peringkat Persekutuan akan menyebabkan ketidaktentuan dan mungkin merencatkan pembangunan yang dirancang kerajaan BN untuk membangunkan kawasan luar bandar," kata Salang.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620481>